



Datuk Lee menangis lagi?

Presiden Kebangsaan MCA, Datuk Lee San Choon (dua dari kiri) menangis lagi? Mengapakah Perdana Menteri Datuk Hussein Onn, Timbalannya, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan bekas Ketua Pemuda MCA, Datuk Chan Siang Sun merenung jauh ke tiga arah yang berlainan?

Foto yang dirakamkan sejourus sebelum upacara pembukaan persidangan perwakilan MCA ke-27 ini semalam, tidak menunjukkan Datuk Lee sedang menitikkan air mata seperti dalam persidangan serupa itu dua tahun lalu. Beliau hanya mengesat cermin matanya...

Bagaimanapun, tiada siapa dapat memastikan Datuk Lee tidak akan menitikkan air mata duka atau air mata gembira apabila keputusan jawatan Presiden Kebangsaan MCA yang beliau sendiri ditandingi bersama Datuk Michael Chen diumumkan ke-

kebaikan semua. Datuk Chan yang juga kelihatan merenung jauh, mungkin memikirkan nasib masadepan Pemuda MCA yang kini dipimpin oleh orang baru. Ataupun mungkin dia sekadar mahu tahu apakah Datuk Lee mengesat matanya kerana menangis ataupun cuma mahu membersihkan cermin mata...

Rakamkan foto ini adalah suasana yang sering terdapat di persidangan tahunan parti politik kerana pemimpin politik akan sentiasa berhadapan dengan masalah dan gelagat manusia... — Foto BM.

Sementara itu, Datuk Hussein dan Datuk Seri Dr. Mahathir mungkin kelihatan sedang merenung tajam dan berfikiran jauh: Apakah akan terjadi pada MCA sekiranya Datuk Lee gagal dan pucuk pimpinan tertinggi di dipegang oleh Datuk Chen?

Walau apapun yang difikirkan oleh kedua pemimpin negara itu, kita yakin fikiran mereka adalah untuk menafaat bersama,

No Siri 2171
No Penerimaan 347/82

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia